

PENGLIBATAN KETENTERAAN UTHMANIYYAH ERA MURAD III (1574-1595) DALAM PERANG UTHMANIYYAH-SAFAWIYYAH (1578-1590): SATU SOROTAN SUSASTERA

OTTOMAN MILITARY INVOLVEMENT DURING THE REIGN OF MURAD III (1574-1595) IN THE OTTOMAN-SAFavid WAR (1578-1590): A HISTORIOGRAPHICAL REVIEW

Azaharie Zubli¹

Ezad Azraai Jamsari²

Anwar Muttaqin³

Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari⁴

Mohd Hafiz Safiai⁵

Md Yazid Ahmad⁶

Ammalina Dalillah Mohd Isa^{7*}

Ahmad Shukri Johara⁸

¹ Akademi Laut Malaysia (ALAM) Melaka, 1, Jalan Kuala Sungai Baru/ Kuala Linggi, Batu, 78200, Kuala Sungai Baru, Melaka, Malaysia (E-mail: azaharie.zubli@alam.edu.my)

² Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ezad@ukm.edu.my)

³ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: anwar86@ukm.edu.my)

⁴ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: mozaha@ukm.edu.my)

⁵ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam & Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: hafizsafiai@ukm.edu.my)

⁶ Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: yazid@ukm.edu.my)

⁷ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: ammalina@ukm.edu.my)

⁸ Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia (E-mail: p165920@siswa.ukm.edu.my)

*Corresponding author: ammalina@ukm.edu.my

Article history

Received date : 7-6-2026

Revised date : 8-6-2026

Accepted date : 15-7-2026

Published date : 23-7-2026

To cite this document:

Zubli, A., Jamsari, E. A., Muttaqin, A., Abul Hassan Ashari, M. Z., Safiai, M. H., Ahmad, M. Y., Mohd Isa, A. D. & Johara, A. S. (2026). Penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Murad III (1574-1595) dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590): Satu sorotan susastera. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 647 – 662.

Abstrak: Artikel ini membincangkan penglibatan ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah era Murad III (1574-1595) dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590) melalui pendekatan sorotan susastera. Konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah pada penghujung abad ke-16M merupakan suatu peristiwa penting dalam sejarah ketenteraan Uthmaniyyah yang

memperlihatkan hubungan antara dinamika politik pemerintahan, kepentingan geopolitik serta strategi ketenteraan dalam menghadapi persaingan kuasa serantau. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan historiografi berkaitan penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Murad III, di samping mensintesis perbincangan sarjana terdahulu berkaitan latar politik dan ketenteraan sebelum pemerintahan Murad III, dinamika politik pemerintahan Murad III serta kempen ketenteraan Uthmaniyyah dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Data kajian diperoleh melalui penelitian terhadap sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan pemerintahan Murad III, sejarah ketenteraan Uthmaniyyah serta konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah. Proses analisis data dilaksanakan melalui kaedah kritikan sumber sejarah yang melibatkan kritikan luaran dan kritikan dalaman bagi menilai kesahan, autoriti serta kebolehpercayaan sumber yang digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah tidak dapat dipisahkan daripada perkembangan politik dan ketenteraan yang berlaku sebelum serta sepanjang pemerintahan Murad III. Sorotan terhadap literatur terdahulu memperlihatkan tiga dapatan utama, iaitu pertama, perkembangan struktur politik dan ketenteraan Uthmaniyyah sebelum era Murad III menjadi asas kepada pembentukan strategi peperangan; kedua, dinamika politik pemerintahan Murad III khususnya hubungan antara sultan, pembesar dan pentadbir tertinggi kerajaan mempengaruhi keputusan ketenteraan; dan ketiga, kempen ketenteraan Uthmaniyyah terhadap Safawiyyah memperlihatkan keupayaan kerajaan tersebut memanfaatkan perubahan politik serantau bagi memperkukuhkan kedudukan strategiknya. Artikel ini menyumbang kepada pemahaman historiografi Uthmaniyyah dengan memperlihatkan hubungan antara politik, kepimpinan dan ketenteraan dalam konteks konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah pada penghujung abad ke-16M.

Kata Kunci: Kerajaan Uthmaniyyah; Murad III; Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah; Sejarah Ketenteraan; Historiografi

Abstract: This article examines the military engagement of the Ottoman State during the reign of Murad III (1574-1595) in the Ottoman-Safavid War (1578-1590) through a literature review approach. The Ottoman-Safavid conflict in the late sixteenth century represents a significant episode in Ottoman military history, highlighting the interconnectedness between political dynamics, geopolitical interests, and military strategies in the context of regional power competition. This article aims to analyse the historiographical development concerning Ottoman military engagement during the era of Murad III, while synthesising previous scholarly discussions on the political and military background preceding Murad III's reign, the political dynamics of his administration, and Ottoman military campaigns during the Ottoman-Safavid War (1578-1590). This study employs a qualitative approach through a historical research design and content analysis. Data were obtained through an examination of primary and secondary sources related to the reign of Murad III, Ottoman military history, and the Ottoman-Safavid conflict. The data analysis process was conducted through historical source criticism, involving both external and internal criticism to evaluate the validity, authority, and reliability of the sources utilised. The findings demonstrate that Ottoman military engagement in the Ottoman-Safavid War cannot be separated from the political and military developments that emerged before and throughout the reign of Murad III. The literature review reveals three major findings. First, the development of Ottoman political and military structures prior to the era of Murad III provided the foundation for the formulation of military strategies. Second, the political dynamics of Murad III's reign, particularly the relationship between the sultan, statesmen, and senior administrators, significantly influenced military decision-making. Third,

Ottoman military campaigns against the Safavids demonstrate the ability of the Ottoman State to utilise regional political transformations in strengthening its strategic position. This article contributes to the understanding of Ottoman historiography by highlighting the interconnected relationship between politics, leadership, and military affairs within the context of the Ottoman-Safavid conflict in the late sixteenth century.

Keywords: Ottoman State; Murad III; Ottoman-Safavid War; Military History; Historiography

Pengenalan

Kerajaan Uthmaniyyah muncul sejak akhir abad ke-13M dan mencapai kemuncak kegemilangannya pada abad ke-15M dan abad ke-16M. Sepanjang tempoh pemerintahannya yang melebihi enam abad, kerajaan ini berkembang sebagai antara kuasa politik dan ketenteraan utama dunia Islam dengan pengaruh yang meliputi wilayah Asia Barat, Afrika Utara dan Eropah Tenggara. Jumlah keluasan wilayah kekuasaan Kerajaan Uthmaniyyah sehingga tahun 1683 dianggarkan sekitar 5.2 juta kilometer persegi. Terdapat seramai 36 orang sultan yang memerintah Kerajaan Uthmaniyyah sepanjang tempoh tersebut. Pengasas Kerajaan Uthmaniyyah ialah Osman I (1281-1326), manakala Mehmed VI (1918-1922) merupakan sultan Uthmaniyyah yang terakhir. Dalam konteks politik Islam, para sultan Uthmaniyyah turut memainkan peranan sebagai khalifah yang menaungi pelbagai wilayah Islam di bawah pemerintahan Uthmaniyyah.

Kerajaan Uthmaniyyah mencapai kemuncak kegemilangannya ketika pemerintahan Süleymân I. Menurut Haris (2020), kehebatan pemerintahan Süleymân I tidak mempunyai perbandingan yang setara dalam sejarah pemerintahan Uthmaniyyah sama ada sebelum mahupun selepas era pemerintahannya. Sementara itu, Murad III merupakan sultan Uthmaniyyah yang ke-12. Beliau telah mewarisi takhta daripada ayahandanya, Selim II dan merupakan cucu kepada Süleymân I. Murad III memerintah selama 21 tahun bermula pada tahun 1574 sehingga 1595 (Gülen, 2010). Walaupun pemerintahan Murad III sering dikaitkan dengan kesinambungan legasi pemerintahan sebelumnya, era tersebut memperlihatkan perubahan penting dalam aspek politik istana, pentadbiran dan strategi ketenteraan Uthmaniyyah.

Corak pemerintahan Murad III dari segi politik dan ketenteraan sedikit sebanyak dipengaruhi oleh kesan pemerintahan Süleymân I dan Selim II (Ocakaçan, 2018). Perubahan dalam struktur politik dalaman serta dinamika hubungan antara sultan, pembesar dan pentadbir tertinggi kerajaan turut memberikan kesan terhadap hala tuju dasar ketenteraan Uthmaniyyah. Corak pentadbiran dan politik dalaman tersebut mempengaruhi penglibatan Kerajaan Uthmaniyyah pada era Murad III dalam gerakan kempen ketenteraan. Dalam konteks Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah, keputusan untuk melancarkan kempen ketenteraan bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor geopolitik luaran, tetapi turut berkait rapat dengan pertimbangan politik dalam lingkungan istana Uthmaniyyah. Malah, konflik dalaman dalam kalangan pembesar turut memainkan peranan dalam menentukan arah dan strategi kempen ketenteraan terhadap Safawiyyah pada zaman pemerintahan Murad III.

Aspek ketenteraan merupakan asas penting dalam memastikan keteguhan dan kelangsungan sesebuah kerajaan, termasuk Kerajaan Uthmaniyyah. Aspek ini menjadi antara faktor utama yang menyumbang kepada kegemilangan Kerajaan Uthmaniyyah, di samping turut menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kemerosotan kuasanya pada fasa-fasa berikutnya (Rozali

et al., 2011). Keupayaan ketenteraan Uthmaniyyah bukan sahaja bergantung kepada kekuatan pasukan tentera, malah turut melibatkan aspek organisasi, kepimpinan, teknologi peperangan serta strategi pengurusan konflik. Zaman pemerintahan Murad III turut menyaksikan penglibatan Kerajaan Uthmaniyyah dalam pelbagai kempen ketenteraan sepanjang tempoh pemerintahannya. Dalam tempoh pemerintahan Murad III (1574-1595), Kerajaan Uthmaniyyah melancarkan beberapa siri kempen ketenteraan terhadap Kerajaan Safawiyyah di wilayah timur dan dinasti Habsburg di Eropah Tengah. Antara konflik yang paling signifikan ialah Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590) yang berlaku selepas tamatnya tempoh keamanan selama 23 tahun berikutan termeterainya Perjanjian Amasya pada tahun 1555 antara kedua-dua kerajaan.

Pada tahun 1578, pihak Uthmaniyyah kembali melancarkan kempen ketenteraan terhadap Safawiyyah. Pada tahun 1585, Tabriz, iaitu kota yang penting dalam Kerajaan Safawiyyah, berjaya ditawan oleh tentera Uthmaniyyah. Kejayaan tersebut menyebabkan Kerajaan Safawiyyah kehilangan sebahagian besar wilayah produktif di bahagian barat laut kepada Kerajaan Uthmaniyyah (Mathee, 2014). Siri kempen ketenteraan yang berlangsung antara tahun 1578 hingga 1590 tersebut memperlihatkan keupayaan Uthmaniyyah memanfaatkan kelemahan politik dalaman Safawiyyah bagi memperkukuhkan kedudukan strategiknya di wilayah timur. Walau bagaimanapun, kejayaan ketenteraan tersebut perlu difahami dalam konteks yang lebih luas kerana penglibatan Uthmaniyyah dalam perang ini turut dipengaruhi oleh dinamika politik dalaman, persaingan kepentingan dalam kalangan elit pemerintahan serta pertimbangan strategik berkaitan keseimbangan kuasa serantau. Secara keseluruhannya, pemerintahan Murad III memperlihatkan perkembangan yang kompleks dari sudut politik dan ketenteraan, apabila kejayaan peluasan pengaruh Uthmaniyyah berlaku seiring dengan cabaran dalaman dalam sistem pentadbiran kerajaan (Heller, 2018; Mathee, 2014).

Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis perkembangan historiografi berkaitan penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Murad III, di samping mensintesis perbincangan sarjana terdahulu berkaitan latar politik dan ketenteraan sebelum pemerintahan Murad III, dinamika politik pemerintahan Murad III serta kempen ketenteraan Uthmaniyyah dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590). Pemerhatian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian sejarah dan analisis kandungan. Data kajian diperoleh melalui penelitian terhadap sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan pemerintahan Murad III, sejarah ketenteraan Uthmaniyyah serta konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah. Proses analisis data dilaksanakan melalui kaedah kritikan sumber sejarah yang melibatkan kritikan luaran dan kritikan dalaman bagi menilai kesahan, autoriti serta kebolehpercayaan sumber yang digunakan.

Dinamika Politik, Ketenteraan dan Ruang Historiografi Uthmaniyyah-Safawiyyah

Penghujung abad ke-16M merupakan suatu tempoh yang signifikan dalam sejarah Kerajaan Uthmaniyyah apabila perubahan struktur politik, ekonomi dan perkembangan teknologi ketenteraan pada peringkat global memberikan cabaran baharu terhadap kestabilan pentadbiran serta keupayaan ketenteraan kerajaan tersebut. Dalam konteks pemerintahan Murad III (1574-1595), perubahan persekitaran politik antarabangsa dan dinamika dalaman istana telah mempengaruhi pendekatan pentadbiran serta orientasi dasar ketenteraan Uthmaniyyah, khususnya dalam menghadapi persaingan dengan kuasa serantau seperti Kerajaan Safawiyyah.

Menurut Ocakaçan (2018), perubahan ekonomi dan politik di seluruh dunia pada suku terakhir abad ke-16M mendesak Kerajaan Uthmaniyyah menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu. Perubahan tersebut memberikan tekanan yang besar terhadap pentadbiran Murad III. Sehubungan itu, Murad III berusaha memperkenalkan beberapa corak pentadbiran baharu bagi menyesuaikan kerajaan dengan perkembangan teknologi ketenteraan serta perubahan struktur ekonomi. Pada masa yang sama, para pentadbir tertinggi istana berusaha mendapatkan semula pengaruh dan kuasa dalam pentadbiran kerajaan. Ocakaçan (2018) menyatakan:

The worldwide economic and political changes during the last quarter of the 16th century forced the Ottoman dynasty to adapt to the new conditions. The high tension between Şehzade Mehmed and Sultan Murad III was the result of these changing dynamics of the Ottoman ruling methods. In order to cope with the new military technology and monetization in the economy, Murad III attempted to isolate the dynasty by strengthening the imperial palace as a locus of power while restricting the authority of the 'central government'. The viziers and other grandees wanted to regain their authority against the palace administration.

Petikan tersebut memperlihatkan bahawa pemerintahan Murad III berlangsung dalam suatu fasa perubahan yang kompleks, apabila aspek politik istana, pengurusan pentadbiran, perkembangan ekonomi serta keperluan penyesuaian ketenteraan saling berhubungan antara satu sama lain. Oleh itu, penelitian terhadap era Murad III tidak hanya dapat dilihat melalui perspektif pemerintahan sultan semata-mata, bahkan perlu dianalisis dalam kerangka hubungan antara kepimpinan politik dan penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah. Selaras dengan perbincangan tersebut, Matthee (2014) menyatakan:

In 1578, twenty-three years after they had concluded the Treaty of Amasya (1555) and as many years of mutually observed peace, the Ottomans reopened hostilities against the Safavids by launching a new eastern campaign. When the arrows stopped flying and the guns ceased thundering twelve years later, Iran had seen its most populous city, Tabriz, occupied and ravaged by Ottoman troops in 1585), and the Safavids had lost large swathes of their most productive lands in the northwest to the Turks. It would take a decade and a half and the enthronement of a new, forceful shah, 'Abbas I (1587-1629), before the Iranians could mount a counteroffensive and regain these lands.

Petikan tersebut menunjukkan bahawa peperangan antara Kerajaan Uthmaniyyah dengan Kerajaan Safawiyyah pada era Murad III bukan sekadar konflik ketenteraan bersifat sempadan, tetapi turut melibatkan persaingan geopolitik yang memberi implikasi besar terhadap keseimbangan kuasa di Asia Barat. Kempen ketenteraan yang berlangsung antara tahun 1578 hingga 1590 memperlihatkan usaha Uthmaniyyah memanfaatkan perubahan politik dalaman Safawiyyah bagi memperkukuhkan kedudukan strategiknya di wilayah timur. Selanjutnya, Heller (2018) menyatakan:

Proponents of Thucydides's Trap warn that conflict between a rising power and an established power may be impossible to avoid. The Ottoman-Safavid rivalry 500 years ago is evidence of this theory. Contentious economic interests, competing geographic concerns, dissimilar cultures, and differing political systems led to centuries marked by periods of both peace and conflict. The rivalry provides six lessons: war may be unavoidable but does not need to be catastrophic; domestic

unity can lead to international disunity; economic interdependence does not abate economic conflict; alliances can and will shift rapidly; expect foreign interference in domestic affairs; and finally, rivalry can last for centuries.

Hujah tersebut menjelaskan bahawa konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah merupakan hasil daripada interaksi pelbagai faktor yang merangkumi persaingan politik, kepentingan ekonomi, kedudukan geografi serta perbezaan struktur pemerintahan. Oleh itu, peperangan antara kedua-dua kerajaan tidak wajar difahami hanya sebagai pertembungan ketenteraan semata-mata, sebaliknya perlu dilihat dalam konteks persaingan kuasa yang berterusan antara dua entiti politik Islam utama pada abad ke-16M. Persoalan ini menjadi lebih menarik untuk diterokai apabila diteliti bersama pandangan Shaw (1976: 180-181), yang menjelaskan:

The Kizilbas Turkomans who had formed the base of Safavid power were challenged by native Persian elements and also by various groups from the Caucasus that had entered Safavid service, all trying to end the centralized government established in Iran during the early years of the sixteenth century. This situation stimulated a number of Ottoman leaders, including third vezir Lala Mustafa Pasha and fourth vezir Sinan Pasha, to advocate a new attack in the hope of conquering those areas of the Caucasus and Azerbaijan that Siileyman had occupied but never retained. Sokullu led the antiwar party, remembering all too well the difficulties encountered during Suleyman's invasions and fearing that Europe would try to take advantage of any Ottoman preoccupation in the east. Murat finally accepted Sinan's proposals, not only because of his longstanding resentment of the grand vezir but also because of new pleas for a joint campaign from the Uzbegs, and from the ulema, who long had advocated a military effort to support the Sunni Muslims under Safavid rule in the Caucasus and to end Shiism in Iran entirely.

Petikan tersebut menegaskan bahawa keputusan Uthmaniyyah untuk melancarkan kempen ketenteraan terhadap Safawiyyah dipengaruhi oleh gabungan faktor luaran dan dalaman. Faktor luaran merangkumi ketidakstabilan politik dalam Kerajaan Safawiyyah selepas kemangkatan Shah Tahmasp I, manakala faktor dalaman pula melibatkan perbezaan pandangan dalam kalangan elit pemerintahan Uthmaniyyah berkaitan strategi perluasan pengaruh di wilayah Caucasus dan Azerbaijan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa peperangan tersebut merupakan hasil daripada pertimbangan politik yang kompleks dalam lingkungan istana Uthmaniyyah pada zaman Murad III. Selanjutnya, Matthee (2014) menyatakan:

Using an array of Ottoman, Persian and Western accounts, I argue that, while it is clear that the Ottomans organized an eastern campaign to take advantage of the succession crisis that had gripped the Safavid state following the death of Shah Tahmasb I in 984/1576, the decision to do so was not a foregone conclusion but the outcome of a set of specific political circumstances at the court in Istanbul in combination with unsettled conditions in Iran and the borderlands between the two states.

Pandangan Matthee (2014) tersebut selari dengan hujah yang dikemukakan oleh Heller (2018) seperti berikut:

A second domestic matter contributing to war was the competition among those around the throne for power and favor. In Istanbul, while the sultan's authority was supreme, the grand vizier oversaw most of the state functions with assistance from other advisors. For most of the Ottoman-Safavid rivalry, two competing factions of ministers served the sultan as advisors.

Berdasarkan penelitian terhadap pandangan sarjana terdahulu, dapat dikenal pasti bahawa kajian mengenai konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah dan pemerintahan Murad III telah dibincangkan melalui pelbagai pendekatan, termasuk sejarah politik, hubungan diplomatik, struktur pemerintahan dan perkembangan ketenteraan. Walau bagaimanapun, perbincangan tersebut kebanyakannya memberikan tumpuan kepada aspek tertentu secara berasingan tanpa menghimpunkan hubungan antara dinamika politik pemerintahan Murad III dengan penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah dalam perang menentang Safawiyyah secara lebih menyeluruh. Sehubungan dengan itu, terdapat ruang penyelidikan yang perlu diberikan perhatian, khususnya berkaitan bagaimana kepimpinan politik, pertimbangan strategik dan faktor ketenteraan saling berinteraksi dalam membentuk penglibatan Uthmaniyyah sepanjang Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590). Justeru, penulisan ini berusaha mengisi jurang historiografi tersebut melalui pendekatan sorotan susastera yang menghimpun dan mensintesis karya-karya terdahulu berkaitan pemerintahan Murad III serta penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah pada penghujung abad ke-16M. Berdasarkan sorotan terhadap karya-karya terdahulu, perbincangan disusun secara tematik kepada tiga bahagian utama, iaitu latar politik dan ketenteraan Uthmaniyyah sebelum pemerintahan Murad III, biografi dan dinamika politik pemerintahan Murad III serta kempen ketenteraan Uthmaniyyah era Murad III dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590). Pendekatan ini membolehkan perkembangan historiografi berkaitan pemerintahan Murad III difahami secara lebih sistematik, di samping memperlihatkan hubungan antara perkembangan politik, kepimpinan dan penglibatan ketenteraan dalam konteks konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah pada penghujung abad ke-16M.

Dapatan dan Perbincangan: Sorotan Susastera

Berdasarkan sorotan terhadap literatur terdahulu, perbincangan dalam penulisan ini dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu latar politik dan ketenteraan Uthmaniyyah sebelum pemerintahan Murad III, biografi dan dinamika politik pemerintahan Murad III serta kempen ketenteraan Uthmaniyyah era Murad III dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590).

Latar Politik dan Ketenteraan Uthmaniyyah sebelum Pemerintahan Murad III

Tema ini membincangkan latar belakang Kerajaan Uthmaniyyah sebelum pemerintahan Murad III, khususnya semasa pemerintahan datuk baginda, Süleymān I, dan ayahanda baginda, Selim II. Atıl (1987: 18), dalam karya *The Age of Sultan Süleyman the Magnificent*, menyatakan bahawa sepanjang tempoh abad ke-14M hingga abad ke-16M, Kerajaan Uthmaniyyah dipimpin oleh barisan sultan yang berwibawa, termasuk Süleymān I yang memerintah dari tahun 1520 hingga 1566. Sepanjang kira-kira 46 tahun pemerintahan baginda, Kerajaan Uthmaniyyah mencapai tahap kegemilangan yang membanggakan. Gülen (2010: 102), menerusi karya *The Ottoman Sultan: Mighty Guests of the Throne*, menjelaskan bahawa Süleymān I menaiki takhta ketika berusia 26 tahun selepas kemangkatan ayahanda baginda, Selīm I, pada tahun 1520. Harl (2017: 54) pula menghuraikan bahawa Süleymān I merupakan sultan Uthmaniyyah yang ke-10 dan tempoh pemerintahannya yang panjang telah membawa Kerajaan Uthmaniyyah mencapai kemuncak kegemilangan dari aspek politik dan kebudayaan. Howard (2017) seterusnya menjelaskan bahawa hasil perkahwinan Süleymān I dengan Hürrem telah melahirkan pengganti baginda, iaitu Selim II. Keseluruhannya, karya-karya Atıl (1987), Gülen (2010), Harl (2017)

dan Howard (2017) memperlihatkan satu kesepakatan bahawa pemerintahan Süleymān I merupakan kemuncak perkembangan politik Kerajaan Uthmaniyyah pada abad ke-16M. Tempoh pemerintahan baginda yang berlangsung hampir 46 tahun bukan sahaja memperkukuh institusi pemerintahan, malah memperluaskan pengaruh politik dan kebudayaan Uthmaniyyah. Dalam konteks pewarisan takhta pula, hubungan Süleymān I dengan Hürrem turut membentuk kesinambungan pemerintahan melalui Selim II yang kemudiannya menjadi pengganti baginda.

Perbincangan mengenai keadaan Kerajaan Uthmaniyyah sebelum Selim II menaiki takhta turut dikemukakan oleh Shaw (1976) dalam karya *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey: Volume I*. Imber (2002), menerusi karya *The Ottoman Empire, 1300-1650: The Structure of Power* serta Yelce (2009), dalam kajiannya *The Making of Sultan Süleyman: A Study of Process/es of Image-making and Reputation Management*, menghuraikan situasi politik Selim II sebelum dan selepas menaiki takhta. Finkel (2015) pula menjelaskan sumbangan Selim II dalam mengembalikan penguasaan Kerajaan Uthmaniyyah ke atas wilayah Yaman. Literatur turut memperlihatkan bahawa pemerintahan Selim II merupakan fasa peralihan sebelum kemunculan Murad III. Shaw (1976), Imber (2002), Yelce (2009) dan Finkel (2015) menghuraikan proses peralihan kuasa, kedudukan Selim II sebagai pewaris takhta serta perkembangan politik sepanjang tempoh pemerintahan baginda. Selain itu, beberapa kajian turut menunjukkan bahawa era Selim II masih meneruskan dasar peluasan wilayah Uthmaniyyah termasuk penguasaan semula Yaman.

Jennings (1993), menerusi karya *Christians and Muslims in Ottoman Cyprus and the Mediterranean World*, membincangkan secara terperinci kempen ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah di Laut Mediterranean semasa era Selim II. Selain itu, Konstam dan Bryn (2003) dalam karya *Lepanto 1571: The Greatest Naval Battle of the Renaissance* serta Crowley (2009) menerusi buku *Empires of the Sea: The Siege of Malta, the Battle of Lepanto and the Contest for the Center of the World* turut menghuraikan secara terperinci peristiwa Pertempuran Lepanto semasa pemerintahan Selim II. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga karya tersebut menunjukkan bahawa walaupun Pertempuran Lepanto merupakan kejayaan penting kepada Liga Suci, ia tidak menamatkan dominasi maritim Kerajaan Uthmaniyyah di Mediterranean kerana armada lautnya berjaya dipulihkan dalam tempoh yang singkat.

Jennings (1993) menjelaskan bahawa walaupun pendekatan historiografi terdahulu mentafsirkan Pertempuran Lepanto sebagai permulaan kemerosotan kekuatan ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah, kajian-kajian yang lebih mutakhir memberikan tafsiran yang berbeza. Pertempuran Lepanto merupakan kemenangan sementara bagi Sepanyol dan tidak membawa perubahan yang ketara terhadap kedudukan geostrategik Kerajaan Uthmaniyyah di Mediterranean. Meskipun pertempuran tersebut memusnahkan armada Uthmaniyyah, armada berkenaan berjaya dibina semula sepenuhnya dalam tempoh setahun. Malah, penguasaan semula kubu Tunis daripada Sepanyol pada tahun 1574, iaitu hanya beberapa bulan sebelum kemangkatan Selim II, dianggap sebagai antara kejayaan utama angkatan laut Uthmaniyyah pada zaman pemerintahan baginda. Walau bagaimanapun, Kerajaan Uthmaniyyah tidak dapat menampung sepenuhnya kehilangan sejumlah besar anggota tentera laut yang mahir dan berpengalaman sehinggalah selepas berakhirnya pemerintahan Selim II.

Berdasarkan keseluruhan literatur yang diteliti, dapat diperhatikan bahawa para sarjana secara umumnya bersepakat bahawa pemerintahan Süleymān I dan Selim II telah membentuk asas politik dan ketenteraan yang kukuh sebelum pemerintahan Murad III. Walaupun terdapat perbezaan penekanan dalam menghuraikan beberapa peristiwa, khususnya berkaitan implikasi

Pertempuran Lepanto, kebanyakan kajian berpandangan bahawa Kerajaan Uthmaniyyah masih mengekalkan keupayaan politik dan ketenteraannya menjelang kenaikan takhta Murad III pada tahun 1574. Keadaan inilah yang membentuk latar kepada perkembangan politik dan ketenteraan sepanjang pemerintahan Murad III.

Biografi dan Dinamika Politik Pemerintahan Murad III

Tema ini menumpukan kepada biografi ringkas Murad III serta dinamika politik yang mewarnai corak pemerintahannya. De Groot (1993), menerusi *The Encyclopaedia of Islam*, menghuraikan bahawa Murad III dilahirkan pada Julai 1546 di Bozdağ Yayla berhampiran Manisa ketika ayahanda baginda, Selim II, berkhidmat sebagai gabenor wilayah tersebut. Ibunda baginda ialah Nurbanu Sultan yang berasal dari Venice, manakala istiadat berkhata baginda berlangsung di Manisa pada April 1557. Imber (2002) pula menjelaskan bahawa sebelum menaiki takhta pada tahun 1574, Murad III telah berkhidmat sebagai gabenor Manisa dan merupakan satu-satunya putera Selim II yang telah mencapai kematangan untuk memikul tanggungjawab pentadbiran wilayah. Somel (2010) seterusnya menghuraikan proses kenaikan takhta Murad III selepas kemangkatan Selim II. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga karya tersebut memberikan gambaran bahawa latar kehidupan Murad III memperlihatkan kesinambungan tradisi pewarisan takhta dan latihan pentadbiran yang menjadi amalan dalam pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah.

Hodgson (1974) menjelaskan bahawa pemerintahan Süleymān I, Selim II dan Murad III merupakan sebahagian daripada fasa kesinambungan peluasan wilayah Kerajaan Uthmaniyyah. Walaupun sebahagian perluasan wilayah pada tempoh tersebut berskala lebih kecil, proses penggabungan wilayah baharu ke dalam sistem pentadbiran Uthmaniyyah tetap berlangsung secara beransur-ansur dan berkesan. Keadaan ini memperlihatkan bahawa Murad III mewarisi sebuah kerajaan yang masih mempunyai kekuatan politik dan wilayah yang luas, sekali gus berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan kestabilan pentadbiran dalam kerajaan yang semakin berkembang.

Sorotan susastera turut memberikan perhatian terhadap perubahan corak pemerintahan Murad III, khususnya dari sudut hubungan antara institusi istana dan pentadbiran kerajaan. Gülen (2010) berpandangan Murad III sering dikritik kerana tidak mengetuai kempen ketenteraan secara peribadi dan bergantung kepada kelompok yang menggalakkan baginda mentadbir dari istana. Ágoston dan Masters (2009) pula menghuraikan bahawa dalam tempoh ini, istana semakin berkembang sebagai pusat politik dengan pengaruh individu kegemaran sultan serta *valide sultan* yang semakin ketara dalam urusan pemerintahan. Secara keseluruhannya, kedua-dua karya tersebut menunjukkan bahawa dinamika politik era Murad III memperlihatkan perubahan daripada corak kepimpinan yang berorientasikan medan perang kepada pentadbiran yang semakin berpusat di istana.

Perubahan tersebut turut dihuraikan secara lebih mendalam oleh Finkel (2015), Peksevgen (2009) dan Woodhead (2005). Finkel (2015) menjelaskan bahawa sepanjang 21 tahun pemerintahan, Murad III jarang meninggalkan istana dan lebih banyak mentadbir dari pusat pemerintahan di Istanbul. Peksevgen (2009) pula berpendapat bahawa pendekatan ini mencerminkan pengukuhan kuasa sultan melalui sistem pentadbiran yang lebih berpusat di istana, walaupun pada masa yang sama mewujudkan paradoks politik kerana bertentangan dengan tradisi sultan mengetuai kempen ketenteraan secara langsung. Woodhead (2005) seterusnya menghujahkan bahawa corak pemerintahan tersebut bukanlah suatu perubahan yang berlaku secara mendadak, sebaliknya merupakan kesinambungan perkembangan institusi

pemerintahan yang telah bermula sejak era Mehmed II dan diperkukuhkan pada zaman Süleymān I serta Selim II. Oleh itu, beberapa aspek yang sering dianggap sebagai kelemahan pemerintahan Murad III sebenarnya perlu difahami dalam konteks evolusi sistem politik dan pentadbiran Kerajaan Uthmaniyyah pada penghujung abad ke-16M.

Börekçi dan Peksevgen (2009) pula memberikan perhatian terhadap perubahan keseimbangan kuasa dalam pentadbiran istana selepas Murad III menaiki takhta. Mereka menjelaskan bahawa walaupun corak pentadbiran berpusat di istana telah bermula sejak era Selim II, pengaruh kuat Sokollu Mehmed Pasha sebagai *grand vizier* telah menangguhkan kemunculan sepenuhnya kelompok pemimpin kegemaran sultan. Pembunuhan Sokollu Mehmed Pasha pada tahun 1579 menjadi titik perubahan penting apabila kuasa politik secara beransur-ansur beralih kepada kelompok yang rapat dengan Murad III. Perubahan tersebut turut disertai penyusunan semula elit pentadbiran melalui penyingkiran beberapa tokoh yang dikaitkan dengan rangkaian Sokollu Mehmed Pasha. Keadaan ini menunjukkan bahawa dinamika politik pemerintahan Murad III bukan sekadar melibatkan perubahan gaya kepimpinan, bahkan turut membentuk konfigurasi baharu dalam struktur kuasa pentadbiran Uthmaniyyah.

Selain perkembangan politik dalaman, beberapa kajian turut menunjukkan bahawa Murad III meneruskan dasar luar dan ketenteraan yang diasaskan oleh Selim II. Hess (1978) menjelaskan bahawa selepas menaiki takhta pada tahun 1574, Murad III meneruskan dasar aktif Kerajaan Uthmaniyyah di Afrika Utara dan Mediterranean Barat, termasuk menyokong pelantikan 'Abd al-Malik sebagai pemerintah Kerajaan Sa'diyyah. Mikaberidze (2011) pula menghuraikan kepentingan Pertempuran Alcácer Quibir (1578) sebagai antara episod utama yang memperlihatkan keterlibatan Uthmaniyyah di Afrika Utara. Literatur tersebut menunjukkan bahawa walaupun Murad III tidak mengetahui kempen ketenteraan secara langsung, pemerintahan baginda tetap menyaksikan kesinambungan dasar ketenteraan dan peluasan pengaruh Uthmaniyyah di luar Anatolia.

Berdasarkan keseluruhan literatur yang diteliti, para sarjana secara umumnya bersepakat bahawa pemerintahan Murad III menandakan satu fasa peralihan penting dalam perkembangan politik Kerajaan Uthmaniyyah. Sungguhpun baginda sering dikritik kerana tidak mengetahui kempen ketenteraan secara peribadi, kebanyakan kajian berpandangan bahawa corak pemerintahan berpusat di istana merupakan kesinambungan perubahan institusi yang telah bermula sejak pemerintahan terdahulu. Pada masa yang sama, perubahan konfigurasi kuasa dalam pentadbiran istana serta kesinambungan dasar luar dan ketenteraan membentuk latar politik yang mempengaruhi penglibatan Kerajaan Uthmaniyyah dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah, 1578-1590.

Kempen Ketenteraan Uthmaniyyah era Murad III dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590)

Tema ini membincangkan kempen ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah pada era pemerintahan Murad III, khususnya konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah yang berlangsung antara tahun 1578 hingga 1590. Menurut İnalcık (1973), dalam karya *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*, pemerintahan Murad III yang berlangsung selama 21 tahun menyaksikan beberapa siri kempen ketenteraan yang berpanjangan, termasuk perang menentang Safawiyyah yang menjadikan kawasan Caucasus sebagai medan konflik utama selama hampir 12 tahun. Dalam peperangan tersebut, Kerajaan Uthmaniyyah berjaya memperluaskan pengaruhnya ke beberapa wilayah strategik di barat Iran, bermula dari Caucasus sehingga ke Nehavend. Nolan (2006), menerusi karya *The Age of Wars of Religion, 1000-1650: An Encyclopedia of Global Warfare*

and Civilization, menjelaskan bahawa kempen ini tercetus dalam keadaan politik Safawiyyah yang tidak stabil selepas kemangkatan Shah Tahmasp pada tahun 1576 dan penggantinya Ismail II pada tahun berikutnya. Keadaan tersebut membuka ruang kepada Kerajaan Uthmaniyyah untuk melancarkan kempen ketenteraan dari arah barat, khususnya apabila Safawiyyah turut berhadapan tekanan daripada serangan Uzbekistan dari arah timur. Kortepeter (2011) pula menjelaskan bahawa konflik tersebut berakhir melalui perjanjian damai pada tahun 1590 yang mengiktiraf penguasaan baharu Kerajaan Uthmaniyyah terhadap beberapa wilayah penting seperti Tabriz, Karadagh, Ganja, Karabag, Georgia, Shirvan, Nihavand dan Luristan. Secara keseluruhannya, literatur ini memperlihatkan bahawa perang Uthmaniyyah-Safawiyyah 1578-1590 bukan berlaku secara terasing, tetapi berkait rapat dengan perubahan politik dalaman Safawiyyah serta persaingan kuasa di wilayah sempadan timur.

Heller (2018), dalam artikel *Great Power Competition in the Age of Islam: Contemporary Lessons from the Ottoman-Safavid Rivalry*, membincangkan persaingan Uthmaniyyah-Safawiyyah dalam tempoh yang lebih panjang, iaitu antara tahun 1512 hingga 1639. Beliau menjelaskan bahawa hubungan antara kedua-dua kerajaan tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor utama termasuk kepentingan ekonomi, persaingan geografi, perbezaan budaya serta perbezaan sistem politik. Menurut Heller (2018), faktor-faktor tersebut menyebabkan hubungan Uthmaniyyah-Safawiyyah mengalami perubahan antara tempoh keamanan dan konflik sepanjang beberapa abad. Dalam konteks perang 1578-1590, persaingan tersebut dapat dilihat melalui perebutan pengaruh terhadap wilayah Caucasus dan Azerbaijan yang mempunyai nilai strategik serta ekonomi yang tinggi. Heller (2018) turut menjelaskan bahawa selepas tempoh keamanan yang dicapai melalui Perjanjian Amasya 1555, Kerajaan Uthmaniyyah kembali memberi perhatian kepada wilayah timur apabila keadaan politik Safawiyyah menjadi lemah. Hal ini terbukti apabila tentera Uthmaniyyah berjaya menguasai Tabriz pada tahun 1585 serta memperoleh kawalan terhadap sebahagian besar wilayah Caucasus dan Azerbaijan. Oleh itu, kajian Heller (2018) membantu memahami bahawa konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah bukan hanya didorong oleh faktor ketenteraan, tetapi turut melibatkan persaingan geopolitik dan kepentingan strategik antara dua kerajaan tersebut.

Matthee (2014), menerusi artikel *The Ottoman-Safavid War of 986-998/1578-90: Motives and Causes*, memberikan analisis yang lebih khusus berkaitan faktor tercetusnya perang berdasarkan penelitian terhadap sumber-sumber Uthmaniyyah, Parsi dan Barat. Beliau menjelaskan bahawa kempen ketenteraan tersebut dimulakan oleh Kerajaan Uthmaniyyah berikutan keadaan Safawiyyah yang tidak stabil selepas kemangkatan Shah Tahmasp. Kelemahan politik Safawiyyah memberikan peluang kepada Uthmaniyyah untuk memperluaskan pengaruhnya di kawasan Caucasus serta mengambil kesempatan terhadap krisis pewarisan kuasa yang berlaku di Iran. Matthee (2014) turut menghujahkan bahawa keputusan untuk melancarkan perang tidak hanya dipengaruhi oleh faktor ideologi, tetapi juga berkaitan kepentingan politik, pertimbangan strategik dan perebutan pengaruh wilayah. Sentimen persaingan antara kedua-dua kerajaan turut dipengaruhi oleh perbezaan mazhab serta hubungan politik yang telah lama berkonflik. Berdasarkan penelitian Matthee (2014), perang Uthmaniyyah-Safawiyyah 1578-1590 perlu difahami sebagai hasil gabungan faktor politik, ideologi dan geopolitik yang saling berkaitan, bukannya berpunca daripada satu faktor tunggal.

Selain faktor luaran berkaitan kelemahan Safawiyyah, Matthee (2014) turut memberikan perhatian terhadap dinamika politik dalaman dalam pentadbiran Uthmaniyyah. Menurut beliau, keputusan untuk meneruskan kempen ketenteraan turut dipengaruhi oleh persaingan dalam kalangan elit istana yang mempunyai kepentingan tersendiri. Sokollu Mehmed Pasha, sebagai

penasihat utama sultan, menyadari cabaran logistik dan kewangan yang bakal dihadapi sekiranya perang diteruskan, lalu memberikan pandangan supaya kempen tersebut tidak dilakukan. Namun demikian, persaingan antara Sokollu Mehmed Pasha dengan kelompok elit baharu termasuk pengaruh *valide sultan* telah mempengaruhi proses membuat keputusan dalam istana. Situasi ini menunjukkan bahawa kempen ketenteraan Uthmaniyyah terhadap Safawiyyah bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor hubungan luar, tetapi turut berkait dengan dinamika kuasa dalam pentadbiran istana pada era Murad III.

Gülen (2010) menjelaskan bahawa pada Januari 1590, wakil Safawiyyah tiba di Istanbul bagi rundingan perdamaian yang kemudiannya membawa kepada Perjanjian Ferhad Pasha atau Perjanjian Istanbul pada tahun 1590. Perjanjian tersebut menamatkan perang dan mengesahkan penguasaan Kerajaan Uthmaniyyah terhadap beberapa wilayah termasuk Azerbaijan, Caucasus, Nihavand, Luristan dan Shehrizor di Iran barat. Imber (2002: 66) menyatakan bahawa melalui perjanjian tersebut, Kerajaan Uthmaniyyah mencapai keluasan wilayah yang paling besar dalam sejarah pemerintahannya. Mikaberidze (2011: 698) turut menjelaskan bahawa Perjanjian Constantinople atau Perjanjian Ferhad Pasha memberikan penguasaan kepada Uthmaniyyah terhadap Azerbaijan, Georgia, Armenia, sebahagian besar Qarabagh, Kurdistan Iran, Luristan dan Daghestan. Kortepeter (2011: 68) pula mengaitkan perjanjian tersebut dengan konsep 'Kedamaian Nowruz' yang mengiktiraf keuntungan wilayah baharu Uthmaniyyah seperti Tabriz, Karadagh, Ganja, Karabag, Georgia, Shirvan, Nihavand dan Luristan. Shaw (1976: 183) menegaskan bahawa perjanjian damai tersebut berlaku ketika Kerajaan Uthmaniyyah kembali berhadapan dengan ancaman Habsburg, sekali gus menyebabkan penyelesaian konflik di timur menjadi keutamaan. Secara keseluruhannya, literatur berkaitan menunjukkan bahawa kemenangan dalam perang 1578-1590 memberikan keuntungan wilayah dan meningkatkan prestij ketenteraan Uthmaniyyah, walaupun kestabilan dalaman kerajaan masih berhadapan beberapa cabaran.

Walau bagaimanapun, kemenangan ketenteraan tersebut tidak menghapuskan sepenuhnya masalah dalaman yang berlaku dalam pentadbiran Uthmaniyyah. Fleischer (1986) menjelaskan bahawa Peristiwa Beylerbeyi pada tahun 1589 berlaku akibat kemerosotan nilai mata wang yang memberikan kesan terhadap kestabilan pentadbiran dan ketenteraan. Keadaan ini menyebabkan tentera istana enggan menerima pembayaran menggunakan mata wang yang telah mengalami penurunan nilai. Peristiwa tersebut memperlihatkan bahawa kejayaan kempen ketenteraan di medan perang perlu dilihat bersama cabaran ekonomi dan pentadbiran yang berlaku dalam kerajaan. Dengan kata lain, kejayaan Uthmaniyyah dalam perang menentang Safawiyyah tidak bermakna pemerintahan Murad III bebas daripada tekanan dalaman yang melibatkan kewangan, birokrasi dan kestabilan politik.

Berdasarkan keseluruhan literatur yang diteliti, dapat dirumuskan bahawa kempen ketenteraan Uthmaniyyah era Murad III dalam perang Uthmaniyyah-Safawiyyah 1578-1590 merupakan peristiwa penting yang memperlihatkan keupayaan ketenteraan dan strategi politik Kerajaan Uthmaniyyah dalam menghadapi persaingan kuasa di wilayah timur. Kajian-kajian oleh İnalcık (1973), Nolan (2006), Heller (2018), Matthee (2014), Gülen (2010), Mikaberidze (2011), Kortepeter (2011), Shaw (1976), Imber (2002) dan Fleischer (1986) menunjukkan bahawa konflik tersebut dipengaruhi oleh gabungan faktor politik, geopolitik, ideologi dan kepentingan pentadbiran. Walaupun perang tersebut membawa keuntungan wilayah yang besar melalui Perjanjian Ferhad Pasha pada tahun 1590, pemerintahan Murad III tetap berhadapan cabaran dalaman yang memperlihatkan kompleksiti hubungan antara kejayaan ketenteraan dan kestabilan politik.

Secara keseluruhannya, sorotan terhadap literatur terdahulu memperlihatkan bahawa penglibatan ketenteraan Kerajaan Uthmaniyyah era Murad III (1574-1595) dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590) perlu difahami melalui hubungan yang saling berkait antara perkembangan politik, kepimpinan pemerintahan dan strategi ketenteraan. Berdasarkan sintesis yang telah dibincangkan, dapatan sorotan susastera dapat dirumuskan kepada tiga tema utama sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Sintesis Sorotan Susastera mengenai Penglibatan Ketenteraan Uthmaniyyah Era Murad III (1574-1595) dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590)

Tema	Perbincangan	Sarjana Utama	Sintesis Dapatan
Tema 1	Latar politik dan ketenteraan Uthmaniyyah sebelum Murad III	İnalçık (1973); Shaw (1976); Imber (2002); Finkel (2015)	Pemerintahan sebelum Murad III membentuk asas politik dan ketenteraan yang menjadi landasan kepada peluasan kuasa serta strategi peperangan Uthmaniyyah.
Tema 2	Biografi dan dinamika politik pemerintahan Murad III	Gülen (2010); Peksevgen (2009); Ocakaçan (2018); Woodhead (2005)	Dinamika politik pemerintahan Murad III memperlihatkan pengaruh hubungan antara sultan, elit istana dan pentadbir dalam menentukan dasar serta keputusan ketenteraan.
Tema 3	Kempen ketenteraan Uthmaniyyah dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah	Matthee (2014); Heller (2018); Shaw (1976); Kortepeter (2011)	Penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah dipengaruhi oleh gabungan faktor politik dalaman, strategi geopolitik dan perubahan politik dalam Kerajaan Safawiyyah sehingga membentuk perkembangan konflik 1578-1590.

Kesimpulan

Penelitian terhadap penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah era Murad III (1574-1595) dalam Perang Uthmaniyyah-Safawiyyah (1578-1590) memperlihatkan bahawa konflik tersebut tidak dapat difahami semata-mata sebagai pertembungan ketenteraan antara dua kuasa politik Islam pada penghujung abad ke-16M. Sebaliknya, peperangan tersebut merupakan hasil daripada interaksi kompleks antara dinamika politik dalaman, kepentingan geopolitik serantau, perubahan strategi ketenteraan serta pertimbangan kuasa dalam lingkungan pemerintahan Uthmaniyyah dan Safawiyyah. Berdasarkan sorotan susastera yang dianalisis, era pemerintahan Murad III memperlihatkan satu fasa penting apabila keputusan ketenteraan Uthmaniyyah dipengaruhi oleh hubungan antara autoriti sultan, peranan elit pentadbiran, serta keperluan mempertahankan kepentingan strategik kerajaan di wilayah timur. Sorotan terhadap literatur terdahulu melalui tiga tema utama menunjukkan bahawa kajian berkaitan pemerintahan Murad III dan konflik Uthmaniyyah-Safawiyyah telah berkembang melalui pelbagai pendekatan, khususnya dalam bidang sejarah politik, pentadbiran dan ketenteraan. Meskipun kajian terdahulu telah memberikan gambaran penting tentang latar politik pemerintahan Murad III, struktur kuasa istana serta kronologi peperangan, penelitian yang menghubungkan secara menyeluruh antara dinamika politik, kepimpinan strategik dan penglibatan ketenteraan Uthmaniyyah masih memerlukan penelitian yang lebih mendalam. Oleh yang demikian, pendekatan sorotan susastera dalam kajian ini berperanan menghimpunkan pelbagai perspektif

sarjana bagi memahami hubungan antara faktor dalaman dan luaran yang membentuk keputusan ketenteraan Uthmaniyyah sepanjang konflik tersebut.

Selain daripada itu, penelitian ini memperlihatkan bahawa kemenangan awal Uthmaniyyah dalam beberapa kempen ketenteraan terhadap Safawiyyah bukan hanya bergantung kepada kekuatan fizikal angkatan tentera, tetapi turut dipengaruhi oleh keupayaan organisasi ketenteraan, strategi kepimpinan, kestabilan pentadbiran serta keupayaan memanfaatkan perubahan politik dalam Kerajaan Safawiyyah. Dalam masa yang sama, konflik tersebut memperlihatkan bahawa peperangan pada era Murad III merupakan sebahagian daripada kesinambungan persaingan kuasa yang telah lama terbentuk antara kedua-dua kerajaan, khususnya berkaitan pengaruh politik, kedudukan wilayah sempadan serta persaingan identiti keagamaan dan pemerintahan. Justeru, penulisan ini memberikan sumbangan terhadap pemahaman historiografi Uthmaniyyah dengan menempatkan penglibatan ketenteraan era Murad III dalam kerangka analisis yang lebih luas, iaitu melalui hubungan antara politik, kepimpinan dan strategi peperangan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa sejarah ketenteraan Uthmaniyyah tidak wajar dilihat secara terpisah daripada konteks politik dan sosial yang melatarinya. Sebaliknya, pengkajian terhadap peperangan Uthmaniyyah-Safawiyyah perlu mengambil kira keseluruhan jaringan faktor yang membentuk keputusan peperangan serta kesannya terhadap perkembangan kuasa Uthmaniyyah pada penghujung abad ke-16M. Secara keseluruhannya, sorotan susastera ini menegaskan bahawa era Murad III merupakan satu tempoh penting yang memperlihatkan keupayaan Kerajaan Uthmaniyyah menyesuaikan strategi politik dan ketenteraan dalam menghadapi perubahan persekitaran serantau. Penelitian ini membuka ruang kepada penelitian lanjutan terhadap aspek-aspek khusus seperti struktur organisasi tentera Uthmaniyyah, peranan panglima utama, penggunaan teknologi ketenteraan serta pengalaman peperangan di wilayah timur dalam membentuk perkembangan sejarah ketenteraan Uthmaniyyah.

Penghargaan

Makalah ini ialah sebahagian daripada hasil kajian Geran Universiti Penyelidikan, Fakulti Pengajian Islam: GUP-2024-072, Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Dana Insentif Penerbitan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rujukan

- Ágoston, G. & Masters, B. (2009). *Encyclopedia of the Ottoman Empire*. New York: Facts on File.
- Atıl, E. (1987). *The Age of Sultan Süleyman the Magnificent*. Washington: National Gallery of Art.
- Börekçi, G. & Peksevgen, S. (2009). Court and favorites. Dlm. Ágoston, G. & Masters, B. (pnyt.). *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, hlm 151-154. New York: Facts on File.
- Crowley, R. (2009). *Empires of the Sea: The Siege of Malta, the Battle of Lepanto, and the Contest for the Center of the World*. London: Penguin Random House.
- De Groot, A. H. (1993). Murad III. Dlm. Bosworth, C. E., Van Donzel, E, Heinrichs, W. P. & Pellat, C. (pnyt.). *The Encyclopaedia of Islam*, hlm. 595-597. Jil. 7. Leiden: E. J. Brill.
- Finkel, C. (2015). *Osman's Dream: The Story of the Ottoman Empire 1300-1923*. New York: Basic Books.
- Fleischer, C. H. (1986). *Bureaucrat and Intellectual in the Ottoman Empire*. Princeton: Princeton University Press.
- Gülen, S. (2010). *The Ottoman Sultans: Mighty Guests of The Throne*. Terj. Şahin, E. New York: Blue Dome Press.
- Haris, A. H. (2020). Sejarah Kerajaan Turki Uthmaniyah dan sumbanganya dalam bidang sosiopolitik abad ke-14 hingga abad ke-20. *Journal of al-Tamaddun*, 15(1), 85-107.
- Harl, K. W. (2017). *The Ottoman Empire*. Virginia: The Great Courses.
- Heller, C. H. (2018). Great power competition in the age of Islam contemporary lessons from the Ottoman-Safavid rivalry. *Marine Corps University Journal*, 9(2), 22-43.
- Hess A. C. (1978). *The Forgotten Frontier: A History of the Sixteenth-Century Ibero-African Frontier*. Chicago: University of Chicago Press.
- Hodgson, M. G. S. (1974). *The Venture of Islam: Volume III*. Chichago: The University of Chicago Press.
- Howard, D. A. A. (2017). *History of the Ottoman Empire*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Imber, C. (2002). *The Ottoman Empire, 1300-1650: The Structure of Power*. New York: Palgrave Macmillan.
- İnalçık, H. (1973). *The Ottoman Empire: The Classical Age 1300-1600*. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Jennings, R. C. (1993). *Christians and Muslims in Ottoman Cyprus and the Mediterranean World, 1571-1640*. New York: New York University Press.
- Konstam, A. & Bryn, T. (2003). *Lepanto 1571: The Greatest Naval Battle of the Renaissance*. London: Osprey Publishing.
- Kortepeter, C. M. (2011). Complex goals of the Ottomans, Persians, and Muscovite in the Caucasus, 1578-1640. Dlm. Mitchell, C. P. (pnyt.). *New Perspectives on Safavid Iran*, hlm. 59-83. London: Routledge.
- Matthee, R. (2014). The Ottoman-Safavid war of 986-998/1578-90: Motives and causes. *International Journal of Turkish Studies*, 20(1&2), 1-20.
- Mikaberidze, A. (2011). Alcazarquivir, Battle of (1578). Dlm. Mikaberidze, A. (pnyt.). *Conflict and Conquest in the Islamic World: A Historical Encyclopedia*, hlm. 70-71. Jil 1. Santa Barbara: ABC-Clio, LLC.
- Mikaberidze, A. (pnyt.). (2011). *Conflict and Conquest in the Islamic World: A Historical Encyclopedia*. Jil 1. Santa Barbara: ABC-Clio, LLC.
- Nolan, C. J. (2006). *The Age of Wars of Religion, 1000-1650: An Encyclopedia of Global Warfare and Civilization*. London: Greenwood Press.

- Ocakaçan, L. K. (2018). Festivities of curfew: Centralization and mechanisms of opposition in Ottoman Politics, 1582-1583. Dlm. Valerio, A. (pnyt.). *Venetians and Ottomans in the Modern Age Essays on Economic and Social Connected History*, hlm. 57-74. Venezia: Edizioni Ca' Foscari.
- Peksevgen, S. (2009). Murad III. Dlm. Ágoston, G. & Masters, B. (pnyt.). *Encyclopedia of the Ottoman Empire*, hlm 401-403. New York: Facts on File.
- Rozali, E. A., Jamsari, E. A. & Yunus, M. Y. M. (2011). Sultan Selim III: Pembaharuan ketenteraan Dawlah 'Uthmaniyyah. *Prosiding Simposium Isu-Isu Sejarah dan Tamadun Islam (SISTI 2011)*, hlm. 354-365.
- Shaw, S. J. (1976). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*. Jil. 1. Cambridge: Cambridge University Press.
- Somel, S. A. (2010). *The A to Z of the Ottoman Empire*. Lanham: Scarecrow Press, Inc.
- Woodhead, C. (2005). Murad III and the historians: Representations of Ottoman imperial authority in late 16th-century historiography. Dlm. Karateke, H. & Reinkowski, M. (pnyt.). *Legitimizing the Order: The Ottoman Rhetoric of State Power*, hlm. 85-98. Leiden: Brill.
- Yelce, Z. N. (2009). The making of Sultan Süleyman: A study of processes of image-making and reputation management. Tesis Doktor Falsafah. Institute of Social Sciences, Sabanci University.